

**Program Najib dikompaun RM4,000, Muhyiddin RM20,000** 4


# Sinar Harian

TELUS & TULUS

Penerima Anugerah Laporan Berita Cemerlang Kewartawanan Malaysia 2020

sinarharian.com.my








RABU | 3 NOVEMBER 2021 | 27 RABIULAWAL 1443H | BIL: 5431 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian **RM1.50**


Sinar Harian tidak akan diterbitkan pada **Khamis, 4 November** sempena Hari Deepavali dan kembali bersiaran pada **Jumaat, 5 November 2021**

Untuk berita terkini sila layari **www.sinarharian.com.my**

# PENGAJARAN BUAT PEMBULI

## Kematian Zulfarhan terbela, 6 bekas penuntut UPNM dihukum penjara 18 tahun

- Enam bekas penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) terlepas hukuman gantung apabila dijatuhi hukuman penjara 18 tahun oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas didapati bersalah mencederakan tanpa niat membunuh Pegawai Kadet Laut UPNM, Zulfarhan Osman Zulkarnain, empat tahun lalu.
- Seramai 12 lagi bekas penuntut UPNM dijatuhi hukuman penjara tiga tahun selepas didapati bersalah menyebabkan kecederaan terhadap Zulfarhan kononnya untuk mendapatkan pengakuan bahawa mangsa mencuri sebuah komputer riba.
- Pakar berpendapat hukuman tersebut harus menjadi pengajaran kepada para pembuli khususnya di institusi pendidikan kerana pembuli bukan sahaja pasti menerima balasan malah akan menghancurkan masa depan mereka sendiri.




MUKA 2 & 3


## KERAJAAN AKAN BINCANG SEGERA ISU PEGAWAI SYARIE KURANG

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad memberi jaminan pihaknya akan melakukan perbincangan segera dengan semua pihak berhubung masalah kekurangan pendakwa syarie dan penguat kuasa agama.

Perbincangan itu katanya, turut melibatkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk memastikan isu tersebut dapat diatasi.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan mengenai kekurangan pendakwa syarie dan penguat kuasa agama bagi mengendalikan kes-kes jenayah syariah yang semakin kompleks kini.


11





## Pelajar tidak perlu pakai uniform lengkap - Menteri



MENTERI Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin mengingatkan pihak sekolah agar memberi kelonggaran kepada murid yang hadir ke sekolah khususnya dari aspek pemakaian.

Beliau berkata, terdapat rungutan daripada ibu bapa mengenai syarat uniform lengkap yang ditetapkan.

Justeru beliau menegaskan, murid-murid dibenarkan memakai pakaian yang sesuai, sopan dan kemas sehingga tempoh akhir tahun persekolahan.


10